



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT MENTERI BELIA DAN SUKAN  
MALAYSIA**

**SEMPENA  
MAJLIS PENYERAHAN**

**PROJEK NAIK TARAF KOMPLEKS RAKAN MUDA SUKAN  
AIR DAN UDARA (KRAMSAU), DESARU, JOHOR**

**PADA**

**8 FEBRUARI 2022**

**SELASA**

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA**

**Yang Berhormat, Senator Dato' Sri Ti Lian Ker**

Timbalan Menteri Belia dan Sukan

**Yang Berbahagia, Dato' Jana Santhiran Muniayan**

Ketua Setiausaha

Kementerian Belia dan Sukan

**Yang Berbahagia, Tuan Haji 'On bin Jabbar@Jaa'far**

Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan)

**Yang Berusaha, Puan Ramona Binti Mohd Razali**

Timbalan Ketua Setiausaha Strategik

Kementerian Belia dan Sukan

**Yang Berusaha, Encik Abdullah Bin Hasan**

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan

Kementerian Belia dan Sukan

**Yang Berusaha, Encik Mohd Azhari Bin Mohammad**

Ketua Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negara

**Yang Berusaha, Encik Shamsuhaime Bin Basir**

Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor

## **Yang Berusaha, Encik Nor Syazlan bin Abd Razak**

Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor

### **Pegawai Kementerian Belia dan Sukan, Pemimpin Masyarakat Tempatan, Warga Belia dan Para Hadirin Sekalian**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini di Majlis Penyerahan Projek Naik Taraf Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara (KRAMSAU), Desaru, Johor.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Team KBS di atas kesungguhan dan komitmen yang diberikan secara berterusan di dalam memastikan penyiapan projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kontraktor Utama iaitu DIRECTIONAL EXPERT DRILLING (M) SDN BHD dan semua Perunding yang terlibat bagi menyiapkan projek ini. Projek naik taraf KRAMSAU ini telah bermula pada 12 Mac 2020 dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 15 Januari 2022.

Saya amat pasti, dengan usaha yang gigih, komitmen, pengorbanan masa dan tenaga daripada semua pihak yang terlibat untuk menyiapkan projek, KRAMSAU Desaru ini mampu memberi manfaat kepada penduduk Desaru dan Pengerang, malah akan turut boleh digunakan oleh rakyat Negeri Johor, khususnya para atlet.

Hadirin Sekalian,

Saya berharap dengan siapnya projek naik taraf KRAMSAU Desaru ini dapat memberi nafas baru dan kemudahan sukan yang lebih baik kepada penduduk setempat dan belia di seluruh negeri Johor untuk melaksanakan aktiviti sukan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebagai negara bersukan. Hasrat ini hanya akan dapat dicapai melalui amalan aktiviti gaya hidup sihat dan bersukan di kalangan rakyat.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan fasiliti dan kemudahan sukan yang lebih baik kepada masyarakat, berkualiti serta menepati spesifikasi yang telah ditetapkan. Justeru, dengan adanya fasiliti dan kemudahan sukan yang selesa seperti ini maka kerjasama daripada semua pihak adalah dipohon bagi memastikan kesinambungan legasi sukan dapat direalisasikan. Di samping itu, saya juga menyeru semua pihak dapat memberi kerjasama untuk menjaga dan menggunakan fasiliti dan kemudahan sukan ini dengan sebaiknya.

Perkara ini amat perlu bagi memastikan infrastruktur dan kemudahan sukan yang dibina dan dinaiktaraf berada pada tahap penggunaan yang optimum.

Saya juga mengharapkan Jabatan Belia dan Sukan Negara dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, selaku pihak yang bertanggungjawab dalam pengoperasian Kompleks ini, bukan sahaja menganjurkan aktiviti sukan malah turut menganjurkan pelbagai program terutama bagi

pembangunan belia dan sukan. Dengan adanya kemudahan seperti asrama, dewan makan dan kemudahan untuk aktiviti sukan air, sewajarnya Kompleks ini menjadi pusat aktiviti belia dan sukan bukan sahaja untuk Negeri Johor malah seluruh negara. Tidak mustahil dengan pengurusan yang cekap di bawah Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, KRAMSAU ini boleh diperkenalkan di peringkat antarabangsa memandangkan lokasi dan kemudahan sedia ada di sekitar.

Bagi memastikan kemudahan yang ada dapat dioptimumkan sepenuhnya dan dengan mengambil kira kedudukan geografi KRAMSAU ini yang amat sesuai untuk aktiviti pelayaran, kerjasama antara Jabatan Belia dan Sukan Negara dan juga Majlis Sukan Negara adalah penting untuk menjadikan Kompleks ini sebagai salah satu pusat latihan sukan pelayaran bagi atlet Negara. Di samping itu, kerjasama ini juga dapat mencungkil dan memberi peluang kepada bakat-bakat baharu yang ada di kawasan sekitar untuk lebih menyerlah dalam sukan pelayaran.

Hadirin Sekalian,

Projek ini secara tidak langsung membuktikan bahawa kemudahan yang disediakan oleh KBS walaupun di kawasan luar bandar adalah setaraf dengan kemudahan di kawasan bandar.

Di samping pembinaan dan naik taraf kompleks sukan, KBS juga turut menumpukan perhatian untuk menaik taraf kemudahan sukan berskala kecil yang melibatkan gelanggang-gelanggang futsal, gelanggang serba

guna, padang bola sepak dan kemudahan lain yang menjadi tumpuan atau kegunaan penduduk dan belia setempat.

Akhir kata,

Marilah kita bersama-sama berdoa agar dengan kemudahan yang disediakan ini akan memberi manfaat kepada semua. Semoga usaha dan niat murni semua pihak dalam menjayakan projek ini diberkati serta dirahmati Allah S.W.T.

Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Saya sudahi ucapan ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh